



26 MAR, 2022

## Kerjasama dengan MITI bangunkan AHTV

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Kerjasama dengan MITI bangunkan AHTV

**IPOH** - Kerajaan Perak akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berhubung pelaburan bernilai RM32 bilion bagi membangunkan **A u t o m o t i v e**



**Perbincangan sedang dibuat kerana pihak negeri perlu buat persiapan dengan menyediakan rumah untuk pekerja-pekerja." - Saarani**

High-Technology Valley (AHTV) di Proton City, Tanjung Malim.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perbincangan itu meliputi persediaan kerajaan negeri menerima pelaburan daripada DRB-Hicom itu.

"Kita akan mula dikunjungi kerana difahamkan selepas penutupan Kilang Proton di Shah Alam, Selangor, mereka berpindah sepenuhnya ke Tanjung Malim.

"Perbincangan sedang dibuat kerana pihak negeri perlu buat persiapan dengan menyediakan rumah untuk pekerja-pekerja.

"Saya yakin dalam tempoh terdekat, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan datang ke Tanjung Malim dan mungkin kita akan dikunjungi MITI untuk kita bincang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Peringatan Hari Polis Ke-215 Tahun 2022 Peringkat Negeri di Briged Utara, Pasukan Gerakan Am, Ulu Kinta di

sini pada Jumaat.

Sabtu lalu, Ismail Sabri mengumumkan pelaburan baharu sebanyak RM32 bilion bagi membangunkan AHTV Di Proton City, Tanjung Malim.

Berucap dalam Perhimpunan Agung Umno (PAU 2021) di ibu negara, beliau berkata pelaburan itu bakal mewujudkan 370,000 peluang pekerjaan sepanjang fasa pembangunan serta 161,000 sepanjang fasa operasi.

Saarani berkata, pelaburan baharu itu dijangka menjadi pemangkin pembangunan di bahagian selatan Perak.

"Pelaburan sebesar itu akan menggalakkan pembangunan daerah Muallim dan beri impak baik kepada daerah berhampiran antaranya Batang Padang, Bagan Datuk dan Hilir Perak.

"Apabila ramai pekerja berada di Tanjung Malim, sudah tentu segala aktiviti perniagaan lain seperti kedai makan, pasar raya dan sebagainya dengan sendirinya akan datang memberi sokongan," katanya.



26 MAR, 2022

## Kerjasama dengan MITI bangunkan AHTV

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

IPOH - Kerajaan Perak akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berhubung pelaburan bernilai RM32 bilion bagi membangunkan A u t o m o t i v e High-Technology Valley (AHTV) di Proton City, Tanjung Malim. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, perbincangan itu meliputi persediaan kerajaan negeri menerima pelaburan daripada DRB-Hicom itu.